

16/06/2005

Powell-Selamat

DUNIA KINI LEBIH SELAMAT WALAUPUN ADA TINDAKAN KEGANASAN, KATA POWELL

KUALA LUMPUR, 16 Jun (bernama) -- Bekas Setiausaha Negara Amerika Syarikat Colin Powell berkata walaupun keganasan masih berlaku, dunia kini lebih selamat dan stabil berbanding beberapa tahun lepas.

Beliau berkata AS kini tidak mencari tempat untuk diceroboh dan sentiasa meletakkan persepakatan pelbagai hala sebagai keutamaan sebelum mengambil tindakan ketenteraan.

"Tidak banyak peperangan beberapa tahun lepas. Dunia kini lebih selamat tetapi kita perlu bersatu menentang ancaman keganasan, kata beliau pada "Dialog Pemimpin" Global di Seri kembangan dekat sini hari ini.

Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad ialah tetamu kehormat pada majlis itu yang juga dihadiri bekas Perdana Menteri Australia Bob Hawke.

Powell berkata walaupun tindakan keganasan tidak menukarkan kerajaan atau pemimpin, ia boleh menakutkan orang ramai di mana ia berlaku.

Beliau mengulangi bahawa tindakan yang diambil AS untuk mencegah penganas walaupun ia menyebabkan kesulitan kepada bukan rakyat Amerika ialah satu cara untuk melindungi rakyat Amerika dan kepentingan mereka.

Beliau bagaimanapun bersetuju bahawa untuk menentang keganasan seseorang itu mestilah mula-mula mengenalpasti punca masalah dan ini ialah konflik Palestin.

"Saya berharap ini akan dicapai dengan kepimpinan baru Palestin. Kita hendaklah mengambil peluang ini dan rakyat AS dan presiden hendaklah juga memberi tekanan kepada kedua-dua belah pihak Israel dan Palestin dan mengenyahkan pendirian berlainan bagi menyelesaikan perkara ini sepenuhnya," kata beliau.

Powell berkata pendekatan lembut (desakan dan rundingan) sahaja tidak mencukupi untuk menyelesaikan semua konflik di dunia dan kadang-kadang pendekatan tegas membawa hasil yang sepatutnya.

"Apabila kita menggunakan pendekatan tegas, kita mestilah menggunakan kuasa lembut selepas itu, dan inilah apa AS lakukan di Afghanistan," kata beliau.

Beliau berkata pendekatan AS dalam menangani konflik adalah betul dan dunia terutamanya Eropah tidak perlu bimbang mengenai berlakunya perang dunia ketiga.

Beralih ke Asia, beliau berkata Korea Utara dan kerajaan tentera Myanmar merupakan dua negara yang diberikan perhatian AS yang akan menggunakan pendekatan pelbagai hala dalam mengendalikan negara itu.

Sementara itu, Dr Mahathir dalam ucapannya berkata Yayasan Kepimpinan Perdana, di mana beliau ialah Pengerusi Kehormat akan menganjurkan persidangan keamanan pada akhir tahun ini di Kuala Lumpur.

"Kita merasakan bahawa persidangan ini memang patut kerana ramai yang tinggal dalam peperangan dan untuk mengingatkan dunia bahawa "Anda Tidak Perlu Membunuh untuk Menyelesaikan Isu" yang merupakan satu pemikiran primitif" kata beliau.

Dr Mahathir berkata adalah menjadi kebimbangan dengan bilangan orang awam yang mati di Iraq yang lebih kepada pengeboman berani mati.

Mereka yang menjadi pengebom berani mati marah, terdesak dan tertindas.

"Kita hendaklah mencari jalan menyelesaikan masalah mereka supaya pengeboman boleh diberhentikan," kata beliau.

-- BERNAMA

SR AKT BK

